

15/08/1998

Tanggungjawab rakyat banteras khabar angin

KHABAR angin bukan sebenarnya perkara baru di negara kita. Ada-ada saja khabar angin mengenai isu politik, ekonomi, sosial dan budaya tersebar dalam masyarakat. Ada khabar angin yang bersifat setempat yakni ia mengenai sesuatu perkara yang khusus membabitkan sesebuah daerah atau negeri tanpa melimpah ke negeri lain. Ada isu mengenai ekonomi umpamanya tak lama dahulu tersebar khabar angin mengenai kemungkinan bank akan ditutup. Ada khabar angin yang membabitkan persoalan politik tetapi paling berbahaya sekali ialah khabar angin yang membabitkan hubungan antara kaum dan agama. Dalam masyarakat majmuk seperti masyarakat kita, khabar angin seperti ini sekiranya tidak segera dibanteras mudah mempengaruhi orang ramai hingga menjejaskan ketenteraman umum.

Khabar angin seumpama inilah yang tersebar minggu lalu menyebabkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan mereka yang menjadi punca tersebarnya berita jahat itu sebagai pengkhianat serta Ketua Polis Negara Tan Sri Rahim Noor mengancam akan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA ke atas mereka yang bertanggungjawab itu.

Dalam era Internet sekarang ini, berita angin mudah tersebar dengan cepat. Orang yang tidak bertanggungjawab menggunakan Internet dan mesej itu tersebar langsung tidak saja ke seluruh pelosok negeri tetapi juga ke seluruh dunia. Menurut berita dalam media, sesetengah orang menerima panggilan dari London bertanyakan benar tidaknya berita angin itu. Berita angin itu ialah kononnya telah berlaku rusuhan di Chow Kit. Mujur juga pihak berwajib segera menafikan khabar angin itu sebelum ia merebak lebih luas. Satu lagi khabar angin ialah kononnya pekerja asing dari Indonesia telah membeli parang dan pisau untuk membuat onar bila tempoh permit kerja mereka berakhir. Kononnya mereka hendak menentang sebarang tindakan polis dengan kekerasan. Tetapi ada juga khabar angin mengatakan kononnya mereka hendak menjadikan orang bukan Melayu sebagai sasaran mereka. Khabar angin itu telah mencetuskan rasa bimbang dan takut terutama suri rumah yang segera bergegas ke pasar dan ke kompleks beli-belah untuk membeli bahan makanan.

Saya sendiri menerima banyak panggilan telefon bertanyakan adakah benar kedua-dua khabar angin itu. Pejabat akhbar dikatakan dibanjiri panggilan telefon daripada orang ramai mengenai khabar angin yang nyata merebak begitu cepat terutama di Kuala Lumpur.

Sehingga pihak berkuasa polis selesai menjalankan penyiasatan mereka, kita tidak akan mengetahui siapa yang bertanggungjawab menjadi punca khabar angin itu walaupun sudah ada tangkapan dibuat. Atau apakah sebenarnya motif mereka berbuat demikian. Tetapi ternyata perbuatan mereka yang tidak bertanggungjawab itu, seluruh negara tiba-tiba tercebur dalam satu keadaan gelisah tidak menentu.

Sebagai wartawan dan sebagai seorang yang telah berusia sedemikian lanjut, khabar angin bukanlah perkara yang baru, kepada saya. Apa yang saya dapati ialah umumnya orang ramai sangat mudah mempercayai khabar angin. Wartawan disebabkan asuhan dan didikannya sebagai pelapor akan menyiasat dan menyelidiki terlebih dahulu mengenai kesahihan dan kebenaran sesuatu kejadian sebelum menerima maklumat yang didengarnya atau diterimanya sebagai sesuatu yang sah dan benar. Tetapi tidak demikian halnya dengan kebanyakan orang ramai. Mereka mudah percaya apa saja yang didengarnya tanpa terlebih dahulu menyiasatnya. Seorang wartawan biasanya

merujuk kepada tiga sumber maklumat yang berwibawa sebelum mempercayai sesuatu maklumat yang diterimanya. Sekiranya masih ragu, ia akan menyelidik lagi sehingga ia berasa puas mengenai kesahihan maklumat yang dikumpulnya. Tetapi malangnya bukan semua rakyat kita menjadi wartawan atau terlatih untuk meragukan atau berasa sangsi terhadap berita yang didengarnya atau yang diterimanya.

Bagaimanapun, kita tidaklah boleh mempersalahkan rakyat kalau mereka mudah terpengaruh dengan khabar angin. Pepatah Melayu `kalau tidak ada angin tak akan pokok bergoyang' barangkali terdapat juga dalam pepatah orang Cina dan India. Tetapi kita sekarang hidup dalam era teknologi tinggi yang sesuatu maklumat yang kita ragukan dan kita kurang pasti kebenarannya dapat dirujuk dengan cepat kepada pihak yang lebih mengetahui dan arif daripada kita.

Seperkara yang agak melegakan hati dalam hubungan dengan khabar angin baru-baru ini ialah kesediaan orang ramai segera menghubungi pihak media dan juga polis untuk mendapatkan gambaran sebenarnya mengenai khabar angin itu. Maka itu keadaan telah dapat dipulihkan dengan segera oleh pihak berwajib. Khabar angin hanya dapat dibanteras oleh rakyat kerana sasaran khabar angin bukanlah kerajaan atau polis melainkan orang ramai. Tanpa kerelaan dan kerjasama rakyat usaha membanteras khabar angin sukar berkesan sepenuhnya. Paling berbahaya ialah sekiranya khabar angin disebarkan dengan sesuatu maksud tertentu, umpamanya untuk mengadudombakan satu golongan dengan satu golongan lain, berdasarkan prasangka, kebencian ataupun permusuhan antara kedua-duanya.

Kerana bahaya seperti ini secara langsung menjejaskan keamanan dan keharmonian dalam masyarakat majmuk, maka saya tidak berasa hairan maka Rahim begitu tegas mengancam menggunakan ISA terhadap sesiapa saja yang bertanggungjawab menyebarkan khabar angin minggu lalu.

Mempertahankan keutuhan negara dan keharmonian kaum adalah dua tugas paling utama kerajaan dan rakyat pada masa ini. Sebarang gejala yang boleh menjejaskan kestabilan negara dan keharmonian kaum harus dibanteras oleh kita hingga ke akar umbinya.

(END)